

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan yang diperuntukkan kepada program PERMATA sejak ianya mula dilancarkan dan setakat ini apakah pencapaiannya; dan
- (b) Apakah peranan yang dipikul oleh Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah Mansor dalam program PERMATA ini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak tahun 2008, jumlah peruntukan yang disalurkan meliputi peruntukan mengurus, pembangunan dan Projek Rangsangan Ekonomi. Walau bagaimanapun, sebahagian besar peruntukan tersebut telah disalurkan kepada agensi-agensi seperti KEMAS, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan lain-lain agensi yang turut melaksanakan Program PERMATA Negara dalam skala yang lebih besar.

Bagi tahun 2015, Bahagian PERMATA menerima peruntukan berjumlah RM51,248,399.00. Peruntukan ini digunakan untuk pengurusan pengoperasian 88 buah Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) termasuk pembayaran emolumen tenaga pendidik, melaksanakan Program PERMATA Pintar, PERMATA Insan, PERMATA Seni, Perkasa Remaja dan PERMATA Kurnia. Manakala peruntukan pembangunan berjumlah RM4,037,500.00 adalah bagi pembinaan lima (5) PAPN baharu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat lima (5) Program PERMATA yang memberikan perkhidmatan pendidikan dan intervensi iaitu:

- i. Program PERMATA Negara;
- ii. Program PERMATA Pintar;
- iii. Program PERMATA Insan;

- iv. Program PERMATA Seni; dan
- v. Program Perkasa Remaja.

Dua (2) lagi Program PERMATA iaitu Program PERMATA Kurnia dan Hospital Kanak-Kanak PERMATA sedang dibangunkan. Program PERMATA Kurnia adalah program intervensi awal kepada anak-anak autisme di Malaysia. Pusat PERMATA Kurnia dijangka akan mula beroperasi pada bulan September 2015 manakala Hospital Kanak-Kanak PERMATA adalah satu projek pembangunan hospital pakar khas kanak-kanak berkapasiti 250 buah katil.

i. Program PERMATA Negara

Program PERMATA Negara merupakan Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA yang menawarkan pendekatan alternatif dalam bidang asuhan dan didikan awal yang memberi peluang kepada kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun untuk mengalami proses pembelajaran awal yang berkualiti bersesuaian dengan fitrah mereka.

Program PERMATA Negara dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menjalankan tiga (3) kali Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Program PERMATA untuk menilai keberkesanan program ini. Berdasarkan kajian tersebut majoriti kanak-kanak yang mengikuti Program PERMATA Negara telah menunjukkan keupayaan melebihi satu (1) tahun *milestone* mereka. Ini membuktikan keberkesanan program pembelajaran PERMATA yang menunjukkan kepada perkembangan positif pembangunan kanak-kanak di Negara ini. Di samping itu, Program

PERMATA Negara juga telah membangunkan Jaminan Kualiti PERMATA Negara.

Bagi tahun 2015, seramai 18,824 kanak-kanak telah mendapat manfaat dengan mengikuti Program PERMATA Negara di 761 buah TASKA PERMATA.

ii. Program PERMATA Pintar

Program PERMATA PINTAR adalah antara inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi mengenal pasti dan membangunkan kanak-kanak yang berbakat besar dan semulajadi dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik, seterusnya menjadi modal insan yang membantu negara mencapai status maju menjelang 2020.

Secara keseluruhannya, program PERMATA Pintar mempunyai empat (4) program utama iaitu Pencarian dan Pengurusan Bakat, Program Perkhemahan Cuti Sekolah, Kolej PERMATA Pintar dan Program ASASI Pintar. Bagi perkhemahan cuti sekolah, seramai 5821 pelajar pintar dari dalam dan luar negara telah mengikuti pekhemahan ini semenjak 2009. Sehingga kini seramai 240 pelajar Kolej PERMATA Pintar telah berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti terkemuka di dalam dan luar negara seperti John Hopkins, Cornell, Cambridge dan lain-lain.

iii. Program PERMATA Insan

Program PERMATA Insan diperkenalkan bagi mengenal pasti pelajar Islam pintar yang mempunyai kecerdasan yang tinggi dapat

memahami, mentafsir, menghafaz dan mengaplikasi al-Quran dan as-Sunnah sebagai teras kecemerlangan generasi muda.

Terdapat dua (2) aktiviti yang dijalankan iaitu Program Perkhemahan Cuti Sekolah (PCS) yang melibatkan kanak-kanak berumur dari 8 tahun hingga 12 tahun dan Kolej Permata Insan. Sehingga kini terdapat 348 peserta yang mengikuti Kem yang dijalankan di dalam Program PERMATA Insan dan 50 orang kanak-kanak pintar sedang mengikuti pembelajaran Tahun Pertama di Kolej yang telah mula beroperasi pada tahun 2015.

iv. Program PERMATA Seni

Program PERMATA Seni merupakan usaha bagi membangunkan modal insan berkualiti khususnya untuk memantapkan program pendidikan awal melalui program PERMATA Negara. Program ini mengenalpasti kanak-kanak berumur 8-15 tahun yang berbakat dan berpotensi tinggi dalam bidang seni.

Terdapat tiga (3) jenis seni yang dijalankan di dalam Program PERMATA Seni iaitu seni muzik, seni tari dan seni koir. Keseluruhan pelajar yang mengikuti program ini sehingga tahun 2015 berjumlah 1,019 pelajar.

Kanak-kanak PERMATA Seni telah memenangi pelbagai pingat dan anugerah dalam pertandingan muzik di dalam dan luar negara. Malahan ada kanak-kanak PERMATA Seni telah diberikan biasiswa penuh untuk melanjutkan pelajaran ke institusi muzik terkemuka di dunia seperti Juliard Institute of Music, New York.

v. Program Perkasa Remaja

Program Perkasa Remaja diwujudkan bagi menyelami pelbagai isu remaja untuk merumuskan rancangan bersepadu bagi melahirkan generasi muda yang berani, dinamik, suka bersaing dan berkeyakinan. Menerusi beberapa strategi pemeraksanaan yang merangkumi penyelidikan, intervensi dan pewujudan pangkalan data, projek Perkasa Remaja direalisasikan sebagai strategi bersepadu berdasarkan prinsip pembangunan remaja positif bagi menangani isu yang berleluasa yang melibatkan remaja berisiko dan sebagai sambungan program PERMATA. Program ini terbahagi kepada 2 iaitu:

a) Komuniti Perkasa Remaja

Komuniti Perkasa Remaja adalah satu (1) program yang dibangunkan khusus untuk membantu remaja dalam masyarakat yang terpinggir menghadapi dan menangani cabaran hidup, melalui penyertaan mereka dalam satu (1) siri aktiviti dan pengalaman progresif di peringkat komuniti. Semenjak program ini diperkenalkan pada tahun 2010, seramai 3275 orang remaja telah menyertai program ini.

b) Kem Perkasa Remaja

Program ini bertujuan membantu remaja memulihkan tabiat delinkuen seperti merempit, lumba haram, melepak sepanjang malam, mencuri motosikal dan lain-lain. Melalui Kem Perkasa, pembangunan emosi, spiritual, dan intelek remaja akan ditekankan secara bersepadu dengan menggunakan pendekatan holistik. Bermula daripada Kem

Perkasa Remaja siri 1/2010 hingga siri 8/2014, seramai 259 orang peserta telah terlibat dalam mengikuti program ini.

- (b) YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor telah dilantik sebagai Penaung Program PERMATA sejak tahun 2007. Beliau berperanan untuk menyokong, mempromosi serta memberikan kesedaran terhadap pelaksanaan Program PERMATA. Pelantikan YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor selaku isteri kepada YAB Perdana Menteri sebagai penaung adalah berdasarkan kepada kedudukannya yang dikenali di dalam dan luar negara, kredibiliti, pengaruh besar dan kecenderungan tinggi beliau dalam aspek pembangunan pendidikan kanak-kanak dan remaja.

Sebagai penaung, beliau telah berjaya menempatkan Program PERMATA ke satu tahap yang tinggi termasuk mendapat pengiktirafan luar terutama dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan pendidikan kanak-kanak pintar.

Dalam hal ini, peranan penaung tidak meliputi urusan pentadbiran, kewangan, pengurusan dan lain-lain yang melibatkan peruntukan kuasa tertentu yang hanya diberikan kepada penjawat awam sahaja. YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor selaku penaung juga tidak terlibat dalam membuat sebarang keputusan dasar yang melibatkan pelaksanaan semua Program PERMATA.

Sekian. Terima kasih.